

LAWATAN DR. M CAPAI KEJAYAAN

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berlepas ke Jeddah pagi ini setelah mencapai kejayaan dalam rangka lawatannya ke Negara-negara Teluk untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Keamanan Pertubuhan Perisidangan Islam bagi membaharui usaha mengakhiri peperangan antara Iran dan Iraq.

MUSCAT, Jumaat —

Mesyuarat di Jeddah itu dijadngkan menimbangkan satu strategi baru untuk mengakhiri perang saudara selama 17 bulan itu.

Perdana Menteri akan menghadiri mesyuarat itu dengan fikiran terbuka, walaupun beliau telah mendengar pandangan dan pendapat mengenai masalah itu semasa melawat Bah-Emiriyah Arab Bersatu dan Oman.

Datuk Seri Dr.

Mahathir berkata, Malaysia tidak akan memihak, tetapi akan memberi sumbangan apa saja untuk mengatasi pertikaian itu sejajar dengan prinsip-prinsip Islam.

Malaysia memandang berat pertikaian itu kerana ia menjejaskan keamanan rantau itu.

Ini adalah pertama kali seorang Perdana Menteri Malaysia menghadiri mesyuarat Jawatankuasa itu. Dua mesyuarat ja-

watankuasa itu yang diadakan pada bulan Februari dan April tahun lalu telah diwakili oleh Menteri Luar ketika itu, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Sementara itu, dalam pernyataan bersama yang dikeluarkan di sini di akhir lawatan Datuk Seri Dr. Mahathir ke Oman, kedua-dua buah negara telah menegaskan sokongan penuh usahanya PPI untuk mencapai keamanan segera dan berpanjangan bagi pertikaian Iran-Iraq.

Sokongan

Kedua-dua negara menyatakan puashati peranan membara oleh PPI dalam mengendalikan perkara-perkara antarabangsa, terutama mengukuhkan kerjasama dan perpaduan antara Islam.

Malaysia dan Oman juga menegaskan sokongan penuh prinsip dan tujuan PPI, terutama usahanya untuk melindungi kepentingan Islam dari ancaman ideologi-ideologi luar.

Menyentuh mengenai masalah Asia Barat, kedua-dua negara menyatakan kebimbangan keadaan yang meruncing berikutan beberapa tindakan pencabulan oleh Israel.

Mengenai keadaan di Asia Tenggara, kedua-dua negara menegaskan pandangan bahawa selagi pertikaian di Kampuchea masih belum diselesaikan, keamanan dan kestabilan rantau ini akan terus terancam kerana keadaan itu menggalakkan campurtangan kuasa-kuasa besar.

Setuju

Pernyataan itu juga menyentuh beberapa isu antarabangsa seperti Afghanistan, peningkatan kegiatan ketenteraan di Lautan Hindi dan pembentukan Majlis Kerjasama Teluk.

Mengenai hubungan antara kerajaan, Malaysia dan Oman telah mengenalpasti kerjasama masa depan termasuk dalam bidang pelajaran, kebudayaan, perdagangan dan pelaburan.

Kedua-dua buah negara bersetuju untuk mengukuhkan lagi hubungan ekonomi melalui lawatan-lawatan rombongan ekonomi yang lebih kerap.

Pernyataan itu menambah bahawa Sultan Qaboos bin Said telah menerima undangan Yang di-Pertuan Agong untuk melawat Malaysia. Penasihat khas kepada Sultan, Sayyid Thuwainy bin Shihab juga menerima Jemputan Perdana Menteri untuk melawat Malaysia. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2403
No. Penerimaan 147/85